



Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan

Mohd Fuad Mat Jali¹, Junaidi Awang Besar¹, Abdul Halim Sidek², Noor Aziah Hj. Mohd Awal³

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, ²Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, ³Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Fuad Mat Jali (email: fuad@ukm.my)

Abstrak

Kematian penyandang kerusi DUN Bagan Pinang, Azman Mohd Nor dari BN menyebabkan Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan pada 11 Oktober 2009. Ia merupakan kali kelapan BN dan pakatan pembangkang bertarung serta menguji sokongan di kalangan pengundi muda (belia). Sehubungan itu, adalah tujuan kertas kerja ini untuk menganalisis sokongan terhadap calon yang bertanding dan persepsi serta pola politik semasa belia. Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian, dapatan kajian menunjukkan 88 peratus belia di kawasan ini mendapat sumber maklumat politik daripada televisyen. Dari segi kriteria pemilihan calon pula, 76 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat dan mereka akan memilih calon tempatan sebagai wakil mereka. Parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka dan berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Hasil kajian juga mendapati bahawa konsep "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia. Majoriti responden menyokong polisi dan kepemimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara. 66.6 peratus daripada mereka berpandangan Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri akan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Majoriti daripada belia menyatakan akan memilih calon bekas Menteri Besar (Tan Sri Mohd Isa Samad) walaupun beliau dikaitkan dengan kesalahan disiplin parti dan mereka menjangkakan BN akan mengekalkan kemenangan di DUN Bagan Pinang.

Katakunci: 1 Malaysia, calon pilihanraya, Dewan Undangan Negeri, penyertaan politik, pilihanraya kecil, tanggapan politik belia

The political perception of the youths in the state assembly area of Bagan Pinang, Negeri Sembilan

Abstract

This paper analyses the youths' political perceptions and participation patterns in a by-election held on October 11, 2009 in the state assembly area of Bagan Pinang, Negeri Sembilan, which saw the contest for the 8th time of the ruling BN and the opposition parties. Based on the results of questionnaires and field observations, the study found that 88 percent of youths in the area had access to political information from television. In terms of candidate selection criteria, 76 percent of respondents chose the candidate whom they deemed friendly and was of local origin. The party which capitalised on the issues of development and poverty instead of personality during the election campaign was the favoured one. The study also found that the youths regarded the BN's slogan "One Malaysia: Priority to the People and Achievement" as worthy of their support. So were the policies and leadership of the Prime Minister and his deputy, in particular, the newly instituted Key Performance Indicators of the members of parliament and of the state and federal

ministers. Interestingly, the majority of the youth respondents would opt for a return of the former Chief Minister to power in spite of his previous guilty verdict by the BN's disciplinary committee.

Keywords: 1 Malaysia, by-elections, election candidates, state assembly, political participation, youth political perception

Pengenalan

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang (N31) Bagan Pinang diadakan kerana penyandangannya, Azman Mohd Nor meninggal dunia secara mengejut pada 4 September 2009 akibat jangkitan kuman dalam darah. Pada Pilihan Raya Umum Ke-12, Allahyarham Azman berjaya memenangi kerusi berkenaan dengan majoriti 2333 undi apabila menewaskan calon PAS, Ramli Ismail. Pilihan raya ini menyaksikan satu saingan sengit dan menarik kerana BN mahu mempertahankan kerusi DUN tersebut serta berusaha untuk menambahkan undi serta majoritinya dan merupakan Pilihan Raya Kecil (PRK) pertama sejak perantikan Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia manakala PAS/Pakatan Rakyat pula mahu merampas kerusi tersebut dan untuk membuktikan senario isu semasa di peringkat nasional memberi kelebihan kepada mereka. Persoalannya, adakah BN mampu mempertahankan kerusi yang dimenangi pada pilihan raya umum 2008 dan sebaliknya berjayakah PAS menambahkan sokongan pengundi di kawasan tersebut terutamanya pengundi Melayu. Bagaimana pula dengan persepsi politik pengundi muda (belia) terhadap kerajaan (BN) di kawasan DUN Bagan Pinang semasa pra-pilihan raya kecil.

Kajian lepas

Kajian-kajian awal ke atas pungutan pendapat awam dan pola tingkahlaku bukan sahaja dijalankan oleh pengkaji bidang geografi, malah oleh pengkaji bidang politik, psikologi minda dan sosiologi politik ke atas fenomena ini.

Mazni dan Syed Arabi (1995) mendapati bahawa media memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada kemenangan BN dalam pilihan raya 1995 melalui dua aspek propaganda utama. Aspek pertamanya ialah sebagai saluran penyampaian maklumat pembangunan kerajaan BN yang memerintah Malaysia sehingga 1995 dan keduanya sebagai alat propaganda politik untuk memburukkan parti lawan atau pembangkang. Hujah bagi aspek kedua dijelaskan dengan mengemukakan kelemahan dasar parti, kelemahan pemerintahan pembangkang di Kelantan, sikap pembangkang yang ditafsirkan sebagai menolak politik pembangunan dan sebagainya.

Gomez (1996) mengaitkan kemenangan BN dalam pilihanraya 1995 dengan empat faktor utama iaitu 4M (*Media, Money, Machinery & Mahathir*). Kesemua faktor tersebut dimiliki dan memihak kepada BN. Faktor-faktor ini memberikan kelebihan kepada BN yang mempunyai pengalaman memerintah Malaysia sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menilai arah sebenar politik pengundi Malaysia dalam setiap pilihanraya yang lebih cenderung kepada sogokan pembangunan semata-mata.

Menurut Mohammad Redzuan Othman et. al. (2009) dalam pilihan raya kecil Permatang Pauh, BN dan PKR mempunyai kelebihan dan kekurangan dalam menggunakan pendekatan kempen bagi menarik perhatian pengundi. Dari segi jentera yang dimiliki di lapangan kekuatan yang dimiliki oleh kedua-dua parti boleh dikatakan agak seimbang. Namun begitu, dari segi semangat yang ditunjukkan ternyata jentera PKR lebih bersemangat dan mempamerkan keberkesanan dalam menghadapi pilihan raya kecil tersebut.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail (2009) dalam kajian "Pilihan Raya Kecil DUN Bukit

Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik” mendapati bahawa dalam kriteria pemilihan calon, 90.9 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu (67.9 peratus) dan India (66.1 peratus). 77.5 peratus responden Melayu, 54.5 (Cina) dan 69.6 peratus (India) menyatakan isu pemulihan ekonomi menjadi perbualan utama di kawasan mereka. Seterusnya, 54.8 peratus responden Melayu, 45.5 peratus (Cina) dan hanya 21.0 peratus responden India menyatakan Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak akan menjadi Perdana Menteri yang lebih baik menerajui pembangunan Malaysia. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti dalam pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau, 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus (Cina) dan 41.1 peratus (India) menyatakan PKR akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding BN 29.4 peratus (Melayu), 18.2 peratus (Cina) dan 30.4 peratus (India).

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail (2009) dalam kajian “Pembangunan dan Pilihan Parti Politik: Kajian Kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak” mendapati bahawa 88.6 peratus menyatakan BN akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding PKR 3.6 peratus. Setelah pilihan raya kecil diadakan, hasilnya dimenangi BN dengan majoriti yang bertambah lebih sekali ganda iaitu dari 806 undi kepada 1854 undi dan ini membuktikan sentimen politik pembangunan terus kekal di kawasan tersebut kerana pembangunan hanya dapat dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesebuah negeri.

Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2009) dalam kajian “Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009” menyatakan bahawa sokongan kepada BN dalam pilihan raya kecil 2009 bertambah sebanyak 889 undi berbanding pilihan raya umum 2008 dan ini menunjukkan pengundi muda yakin terhadap BN. Kejayaan BN menguasai hampir semua undi daripada saluran tiga dan empat menggambarkan pengundi muda mula memberi kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ke Manek Urai, yang sebahagian besar penduduk bekerja sebagai penoreh getah, pekebun kecil kelapa sawit dan buah-buahan serta bekerja sendiri. Faktor kejayaan BN mengurangkan majoriti kemenangan PAS ialah kemampuan BN menyusun strategi yang baik untuk menawan hati pengundi, dan kepimpinan Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak sendiri menunjukkan komitmen tinggi menyelesaikan setiap isu rakyat yang berbangkit sebelum ini.

Bagan Pinang

N. 31 Bagan Pinang merupakan salah satu daripada 38 kawasan DUN di Negeri Sembilan. DUN Bagan Pinang yang terletak di dalam Parlimen Telok Kemang mempunyai 5 kawasan DUN iaitu N. 29 Chuah, N. 30 Lukut, N. 31 Bagan Pinang, N. 32 Linggi dan N. 33 Port Dickson. Dari segi pentadbiran tanah dan daerah, ia terletak dalam daerah Port Dickson dan merangkumi mukim Si Rusa, bahagian tenggara mukim Port Dickson, bahagian utara mukim Linggi dan sebelah utara mukim Pasir Panjang. Dari segi geografinya, DUN Bagan Pinang merangkumi kawasan pelancongan pesisiran pantai (Teluk Kemang), perkampungan tradisi Melayu (Bagan Pinang dan Si Rusa), taman perumahan (Taman Eastern), pekan kecil (Pekan Siliau dan Sua Betong), ladang/estet kelapa sawit dan getah (Ladang Bradwall dan Ladang Atherton) serta kem tentera di Port Dickson, Sunggala dan Kampung Sawah.



(Sumber: dun31baganpinang.blogspot.com)

Peta 1. Lokasi DUN Bagan Pinang (N31), Negeri Sembilan

DUN Bagan Pinang berkeluasan 131.44 kilometer persegi dan pekerjaan penduduk di kawasan tersebut merangkumi anggota tentera, peniaga, kerja kampung dan buruh estet/ladang. DUN Bagan Pinang mempunyai 8 pusat pengundian iaitu Ladang Atherton, Pekan Siliu, Ladang Bradwall, Sua Betong, Taman Eastern, Kampung Bagan Pinang, Si Rusa dan Telok Kemang dengan 18 saluran mengundi. Jumlah Pemilih di DUN ini ialah 13,664 orang (Pemilih biasa 9,060 dan 4,604 pemilih pos) yang merangkumi 63 peratus pengundi Melayu, 21 peratus India dan Cina 6 peratus dan selebihnya adalah pemilih pos.

Kawasan DUN Bagan Pinang (dahulunya dikenali sebagai Si-Rusa) merupakan kawasan turun-temurun Perikatan/Barisan Nasional sejak pilihan raya umum 1959 yang hanya sekali dimenangi pembangkang (DAP) iaitu pada pilihan raya umum 1969. Jika ditinjau dari aspek sejarah politik dan pilihan raya di kawasan ini, bermula dengan pilihan raya umum 1959, kawasan ini dikenali sebagai kawasan Si-Rusa yang dimenangi oleh calon Perikatan (kini BN) iaitu Awaludin Haji Ahmad yang mengalahkan calon Bebas, PAS dan Parti Negara dengan majoriti 1866 undi. Seterusnya dalam pilihan raya umum 1964, calon Perikatan melalui penyandangannya menang menewaskan calon People's Progressive Party dan Pan-Malayan Islamic Party (PIMP iaitu kini sebagai PAS) dengan majoriti 1044 undi. Kemudian dalam pilihan raya umum 1969, kawasan ini berjaya dirampas oleh parti pembangkang iaitu DAP (Hj. Hassan Hj. Ahmad) yang menumpaskan calon Perikatan, PAS dan United Malaysian Chinese Organization (UMCO) dengan majoriti 230 undi.

Namun pada pilihan raya umum 1974, kawasan ini berjaya dikuasai kembali oleh Barisan Nasional/BN (dahulunya Perikatan) melalui calonnya A. Ponniah yang mengalahkan calon DAP dan Parti Bebas Progresif Rakyat (PBPR) dengan majoriti 1290 undi. BN berjaya mengekalkan kemenangan pada pilihan raya umum 1978 melalui penyandang yang menewaskan calon DAP dan Bebas dengan majoriti 1573 undi. Seterusnya dalam pilihan raya umum 1982, BN mengekalkan kemenangan pilihan raya umum yang lepas dengan menumpaskan calon DAP daripada kaum Melayu namun dengan muka baru iaitu Muthuppalaniappan @ Mani a/l Muthuraman Chettiar dengan majoriti sebanyak 1407 undi. Pada pilihan raya umum 1986 BN terus menjadi *status quo* di kawasan tersebut dengan calonnya Krishnan @ Krishnasamy a/l Muthurajoo mengalahkan calon DAP dengan majoriti 1214 undi.

Dalam pilihan raya umum 1990 BN melalui penyandang menang mengenyepikan calon DAP namun dengan majoriti yang menurun kepada 197 undi. Begitu juga pada pilihan raya umum 1995 melalui calon MIC, Krishnan a/l Sellapan menang menumpaskan calon DAP dengan majoriti 3167 undi. Tradisi kemenangan BN diteruskan oleh M.K. Yohevel pada tahun 1999 dengan majoriti 1819 undi mengalahkan calon DAP. Pada pilihan raya umum 2004, persempadanan bahagian pilihan raya dilakukan dan Si-Rusa ditukar namanya kepada Bagan Pinang dan BN menerusi

calonnya Mohd. Faizal Ramli menewaskan calon PAS dengan majoriti 4411. Pada pilihan raya umum ke-12 (2008), calon BN Azman Mohd Nor menewaskan calon PAS, Ramli Ismail dengan majoriti 2333 undi (Laporan Pilihan Raya Umum Tanah Melayu/Malaysia 1959-2008).

Metod kajian

Seramai 900 responden (pengundi) belia Melayu, Cina dan India telah dipilih untuk disoal selidik di kawasan DUN Bagan Pinang yang merangkumi 2 fasa iaitu Fasa 1 (28 September 2009 hingga 3 Oktober dengan 450 responden iaitu sebelum hari penamaan calon dan kempen pilihan raya) dan Fasa 2 (pada 4 Oktober 2009 hingga 9 Oktober 2009 dengan 450 responden iaitu selepas hari penamaan calon dan ketika kempen pilihan raya) bertujuan untuk memperolehi pendapat mereka terhadap sumber maklumat politik, jenis akhbar yang dibaca, kriteria dalam pemilihan calon, ciri parti politik yang dipilih, isu atau perkara yang dibuahkan, tahap pembangunan yang dijalankan dan penilaian mereka serta isu lain yang berkaitan dengan pembangunan fizikal, sosial dan belia. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer. Pemerhatian dan tinjauan juga dilakukan di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan.

Sumber maklumat politik belia

Kajian berkenaan informasi politik yang diperolehi mengikut 2 fasa penyelidikan mendapati televisyen adalah paling popular dengan 93.7 pada Fasa 1 (76.8 peratus percaya pada televisyen) dan 83.0 pada Fasa 2 (67.5 peratus percaya) iaitu purata 88 peratus. Ini diikuti akhbar harian perdana dan radio. Terdapat peningkatan peratusan bagi pengguna internet dan pembaca akhbar politik serta perolehan maklumat politik daripada ibu bapa dan pemimpin belia tempatan antara Fasa 1 dengan Fasa 2 penyelidikan. Oleh itu, belia mula mempercayai media alternatif untuk mendapatkan maklumat politik. Namun peratus percaya agak menurun bagi kesemua akses informasi politik yang disenaraikan kerana mereka tidak menerima bulat-bulat maklumat yang disampaikan, sebaliknya mengkaji dan mempertimbangkan sewajarnya dengan merujuk maklumat daripada kedua-dua pihak yang bertanding. Dalam pada itu, terdapat sebahagian kecil responden memperolehi maklumat semasa politik melalui ceramah dari parti-parti politik dan perbualan seharian di premis-premis perniagaan, balai raya awam dan rumah ibadat (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1. Informasi politik belia Bagan Pinang

Perkara	Fasa 1		Fasa 2	
	Baca (%)	Percaya (%)	Baca (%)	Percaya (%)
Televisyen	83.0	76.8	93.7	67.5
Akhbar harian perdana	60.3	73.2	57.4	62.7
Radio	50.0	78.2	45.1	59.4
Internet	28.2	39.8	39.3	48.6
Akhbar harian politik	11.5	48.1	29.1	47.0
Rakan sekerja	16.7	33.3	22.6	33.5
Jiran	11.5	30.3	9.0	30.3
Pemimpin belia tempatan	7.5	67.1	9.0	46.4
Sembang kedai kopi	6.3	17.6	8.3	22.0
Ibu bapa	5.7	56.3	9.3	52.4

Ciri calon dan parti yang dipilih oleh belia Bagan Pinang

Responden ditanya mengenai pertimbangan yang diambil kira pemilihan calon. Secara dominannya, 74.7 peratus pada Fasa 1 dan 77.0 peratus pada Fasa 2 belia menyatakan personaliti calon dan mesra rakyat menjadi kriteria utama pemilihan calon mereka. Kemudian jika dibandingkan antara kedua-dua Fasa jelas memperlihatkan peningkatan peratusan persetujuan antara Fasa 1 (sebelum kempen) dengan Fasa 2 (ketika kempen) dalam pertimbangan kepada calon yang berpendidikan tinggi, ideologi dan sebangsa. Ini menunjukkan belia di Bagan Pinang mula sedar dan memikirkan mengenai pentingnya pemilihan pemimpin yang dapat memenuhi aspirasi dan kehendak mereka (Lihat Jadual 2).

Jadual 2. Pertimbangan responden/belia dalam pemilihan calon

Perkara	Fasa 1	Fasa 2
Mesra rakyat	74.7	77.0
Personaliti kepimpinan calon	54.0	57.5
Tempatan	43.7	41.3
Latarbelakang agama	31.6	47.0
Berpendidikan tinggi	29.9	47.0
Ideologi parti	19.5	34.0
Sebangsa	19.5	24.3
Calon muda	13.2	16.5

Bagi DUN Bagan Pinang, calon yang dipertandingkan memenuhi kebanyakan kriteria yang dinyatakan oleh mereka. Majoriti (75.5 peratus) mengenali calon BN, Tan Sri Isa Samad dan menyatakan beliau seorang yang mesra rakyat, turun padang, peramah dan prihatin. Pemilihan Tan Sri Isa Samad sebagai ADUN juga dilihat sesuai dan tepat bagi pengundi di DUN Bagan Pinang kerana beliau pernah bermastautin di Kampung Bagan Pinang dan kenal selok-belok sosioekonomi dan politik kawasan berkenaan seterusnya pernah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan seterusnya memajukan kawasan Bagan Pinang dan Teluk Kemang sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka (Ahmad Atory Hussain 2010). Sebaliknya calon PAS tidak ramai yang mengenali beliau walau mempunyai pengalaman yang luas dalam aktiviti parti dan pemimpin tertinggi parti di peringkat negeri (Dean Johns. 2010). Oleh itu tahap kenal calon dan anak tempatan memberikan impak yang besar kepada calon yang bertanding.

Analisis yang dibuat terhadap persoalan ciri parti politik yang akan dipilih dalam menghadapi pilihan raya kecil DUN Bagan Pinang mendapati bahawa, sebanyak 79 peratus responden menyatakan memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Kemudian diikuti dengan parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan, agama dan bangsa di samping mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi. Jika dilihat kepada perbandingan antara fasa jelas menunjukkan peningkatan peratusan di mana belia di kawasan kajian mulai menyokong parti yang memperjuangkan agama dan bangsa, yang dapat menunaikan janji dalam manifesto dan mahukan calon parti yang tiada rasuah serta berpendidikan tinggi (Jadual 3).

Jadual 3. Ciri-ciri parti politik yang disokong belia

Perkara	Fasa 1	Fasa 2
Yang memperjuangkan isu kemanusiaan	79.9	79.0
Yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan	54.6	62.0
Yang memperjuangkan agama dan bangsa	48.9	58.3
Yang mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi	48.3	58.0
Yang dapat menunaikan manifesto	32.8	45.9
Yang memperjuangkan isu nasional dan global	30.5	29.3
Yang mempunyai trek rekod yang baik	27.6	30.0
Yang memperjuangkan isu DEB	24.1	23.0
Yang memperjuangkan isu alam sekitar	15.5	18.8

Kebanyakan daripada responden memilih parti BN sebagai pemenang kerana mereka menganggap parti BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Bagi mereka yang menyokong BN juga berpandangan bahawa BN sudah berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan.

Fenomena tersebut dimanifestasi oleh mereka dalam pilihan raya umum 2008 di DUN Bagan Pinang, iaitu 50.2 peratus belia menyatakan mereka mengundi BN berbanding 30.9 peratus mengundi PAS dan 19.9 peratus menyatakan mereka tidak mengundi. Dari segi janji pilihan raya lepas, hanya 23.6 peratus menyatakan janji pilihan raya di kawasan mereka telah dilaksanakan berbanding 42.3 peratus menyatakan sebahagiannya telah dilaksanakan dan 14.4 peratus menyatakan telah dilaksanakan disamping 19.6 peratus menyatakan tidak pasti.

Isu yang dibualkan

Kempen diadakan untuk menyampaikan mesej supaya pengundi dapat melihat sendiri melalui media atau pun secara terus dan mewujudkan kepercayaan kepada pengundi (Ranney 1993). Isi kempen yang hendak disampaikan dikawal oleh calon atau parti dan dihebahkan supaya mereka dinilai sebaik mungkin. Strategi kempen moden dilakukan melalui saluran media berbayar atau tidak berbayar untuk memastikan penonjolan calon yang terbaik. Di Malaysia dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan dan modenisasi dan mereka hanya mempercayai parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan. Ini bermakna kempen calon pembangkang kurang berkesan dan dipercayai boleh membawa perubahan di sesuatu kawasan.

Dalam pilihan raya kecil ini, isu paling hangat diperbincangkan ialah isu pembangunan pemulihan ekonomi, pekerjaan dan petempatan. Namun yang paling ketara dibincangkan ialah isu ekonomi dan harga barangan yang memperlihatkan peningkatan ketara daripada 48.3 peratus pada Fasa 1 kepada 70.9 peratus pada Fasa 2. Isu kenaikan harga barang ini dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar (Lihat Jadual 4).

Jadual 4. Isu/perkara yang selalu dibualkan/dibincangkan

Perkara	Fasa 1	Fasa 2
Isu pembangunan	50.6	47.1
Ekonomi/harga barangan	48.3	70.9
Pekerjaan	46.5	46.4
Petempatan/perumahan	32.0	31.6
Isu kepimpinan	30.8	35.3
Rasuah/politik wang	21.5	45.9
Kestabilan dan perpaduan	20.6	31.1
Isu Tanah	9.3	13.8
Isu DEB	7.6	6.8
Alam Sekitar	4.7	5.3

Isu pembangunan dikaitkan dengan keperluan fizikal. Mereka memerlukan dewan orang ramai, kawasan perumahan baru, jalan raya yang baik, klinik desa, kilang dan peluang pekerjaan, taman rekreasi, menaik taraf sekolah di ladang, pengangkutan awam, pemberian geran tanah, kursus kemahiran, kelas percuma untuk pelajar miskin, penyediaan Spa dan tempat hiburan. Ini kerana mereka terpaksa ke Bandar Port Dickson, Lukut dan Seremban yang agak jauh dari Bagan Pinang untuk berurusan baik untuk aktiviti ekonomi mahupun sosial. Maka kawasan yang strategik seperti di kawasan Teluk Kemang, Pekan Siliau dan Kampung Bagan Pinang sendiri mesti dinaiktaraf dan dimajukan seterusnya perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan di atas agar penduduk kawasan DUN Bagan Pinang dapat menikmati kemudahan dan keselesaan dari sudut ketersampaian yang baik dan praktikal dalam berurusan dan beraktiviti.

Secara keseluruhannya, beliau di Bagan Pinang menyatakan kelengkapan sukan seperti gelanggang bola tampar/keranjang, badminton dan pengurusan padang bola perlulah cekap dan ditambah di samping membina gelanggang futsal serta squash untuk mereka agar dapat beriadah pada masa lapang dan tidak membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak, merempit dan membuang masa dengan sia-sia. Jika pihak berkuasa tidak menyediakan aktiviti yang berfaedah kepada beliau di Bagan Pinang maka menurut beliau mereka akan terus terjebak dengan gejala dadah/menghidu gam, merempit, melepak, pergaulan bebas, menganggur, bergaduh dan vandalisme Justeru, beberapa aktiviti lain yang diminati beliau telah dinyatakan oleh mereka dalam kaji selidik ini iaitu berniaga, menjalankan khidmat masyarakat, membuat kraftangan, memancing, memasak, menjahit, penglibatan dalam aktiviti dan program pelancongan/tempatan, sukan air, ceramah agama, kebudayaan dan kesenian, aktiviti di litar lumba, dan aktiviti bergotong-royong

Politik semasa beliau Bagan Pinang

Dari segi pandangan responden mengenai isu politik semasa, data pada Jadual 5 menunjukkan majoriti beliau masih menyokong kepimpinan kerajaan persekutuan dengan lebih 65 peratus menyatakan mereka bersetuju dengan gagasan Perdana Menteri seperti 1 Malaysia, KPI dan NKRA dalam memantapkan perpaduan/integrasi nasional dan mempercekapkan keberkesanan sistem penyampaian pentadbiran awam melalui pelaksanaan KPI. Namun mengalami kemerosotan antara Fasa 1 ke Fasa 2. Hal ini disebabkan kerana kerajaan tidak memenuhi kehendak beliau seterusnya kurang memberi perhatian kepada hati nurani beliau. Justeru, kerajaan perlu mengenalpasti aspirasi beliau seterusnya melaksanakan program-program yang mendampingi beliau secara berterusan.

Jadual 5. Persetujuan belia mengenai politik semasa (peratus) Bagan Pinang

Bil	Pernyataan	Fasa 1	Fasa 2
1	Belia menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara	76.5	56.1
2	1 Malaysia Rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia	66.1	50.0
3	Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri akan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan	65.5	67.7
4	Sikap/personaliti “kepembangkangan” dan mengikut emosi menyebabkan belia cenderung menyalahkan kerajaan	63.8	42.5
5	Maklumat dari Internet/blog mempengaruhi kecenderungan politik belia kepada pihak pembangkang	61.5	41.7
6	Belia menyokong kerajaan kerana dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan membantu golongan miskin (terutamanya kaum Melayu) di bandar dan luar bandar	61.5	41.3
7	Cara menangani isu keagamaan, kaum, keselamatan dan integriti calon mempengaruhi pola pengundian pengundi mengikut kaum terhadap parti kerajaan	60.9	46.8
8	Polisi dan kepimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat	60.9	51.9
9	Belia akan terus menyokong kerajaan sekiranya perubahan kepimpinan diperingkat cawangan dan bahagian yang bermasalah dilakukan menjelang PRU ke-13	59.5	52.8
10	Kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan belia tidak menyokong kerajaan	57.8	44.6
11	Kurang prihatin terhadap aspirasi, kebajikan dan pandangan menyebabkan belia mempertikaikan kerajaan	54.7	49.1

Dari segi pandangan responden mengenai sistem pilihan raya di Malaysia, secara puratanya 60.5 peratus belia masih mempercayai sebahagian perjalanan dan ketelusan sistem pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR. Namun demikian jika dilihat kepada perbezaan antara Fasa 1 dan 2 menunjukkan belia di Bagan Pinang bersetuju tempoh hari berkempen perlu dilanjutkan agar suasana pilihan raya dapat dirasai oleh mereka sebaiknya dan mereka juga tidak bersetuju barung/pondok panas perlu dihapuskan kerana tempat tersebutlah mereka dapat berkumpul dalam merasai suasana suatu kempen pilihan raya (Rujuk Jadual 6).

Jadual 6. Persetujuan belia mengenai pilihan raya di Malaysia

Bil	Pernyataan	Fasa 1	Fasa 2
1	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali	67.3	54.3
2	Pilihan raya di Malaysia berjalan dengan baik dan cekap	59.4	49.4
3	Kempen tidak boleh menyentuh isu peribadi	59.1	49.5
4	Hanya jentera kempen tempatan dibenarkan berkempen sepanjang tempoh kempen	57.9	44.8
5	Undi Pos perlu dimansuhkan dan askar perlu mengundi seperti pemilih biasa	57.9	38.1
6	Kehadiran penyokong ketika hari penamaan calon perlu dihadkan	57.6	42.7
7	Larangan berkempen ketika hari pembuangan undi oleh SPR perlu dipatuhi	56.1	56.3
8	Penggunaan dakwat kekal ketika hari pembuangan undi perlu dikuatkuasakan	50.9	39.6
9	Tempoh hari berkempen perlu dilanjutkan	42.7	49.5
10	Barung/pondok panas parti politik perlu dihapuskan	40.7	33.2

Pilihan parti belia pra-pilihan raya DUN Bagan Pinang

Hasil daripada kajian pada jelas menunjukkan bahawa calon BN lebih popular untuk memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Bagan Pinang yang diadakan pada Oktober 2009. Sejumlah 52.3 peratus menyatakan BN mampu mengekalkan kerusinya semula dan 17.6 peratus pula menyatakan PAS boleh merampas kerusi DUN Bagan Pinang. Fenomena yang menarik ialah jumlah yang tidak pasti adalah tinggi iaitu 30.1 peratus dan mereka ini mampu mengubah pola pengundian di saat-saat akhir. Begitu juga dengan parti pilihan mereka, majoriti memilih BN (lihat Jadual 7).

Jadual 7. Pilihan parti pra pilihan raya DUN Bagan Pinang mengikut etnik, jantina dan umur (%)

Parti	Etnik			Jantina		Umur (tahun)	
	Melayu	Cina	India	Lelaki	Perempuan	21-31	32-40
BN	77.4	84.6	82.8	82.2	77.6	80.0	81.2
PAS	13.5	0	11.5	11.7	12.4	12.3	10.6
Tidak pasti	9.1	15.4	5.7	6.1	10.0	7.7	8.2

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa majoriti belia menyatakan mereka akan mengundi BN pada PRK DUN Bagan Pinang. Andaian tersebut selaras dengan keputusan pilihan raya kecil sebenar pada 11 Oktober 2009 yang memihak kepada BN seterusnya berjaya meningkatkan undi daripada 6430 undi (PRU 2008) kepada 8013 undi (PRK 2009) dengan majoriti yang besar 5435 undi. Pilihan politik pengundi/belia juga menunjukkan mereka masih mementingkan calon tempatan serta mempunyai pengalaman dalam mentadbir kawasan atau negeri seperti yang dimiliki calon BN iaitu Tan Sri Mohd Isa Samad. Melalui kajian pasca pilihan raya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan PAS tewas di tangan BN, antaranya ialah calon (Zulkifli Muhammad Omar) yang dikatakan belum dikenali pengundi serta ketiadaan keselarasan jentera pilihan raya antara PAS, PKR dan DAP, walaupun beliau memegang jawatan Pesuruhjaya PAS Negeri Sembilan. Isu pembangunan sosioekonomi khususnya masyarakat Melayu dan India juga mendapat perhatian daripada Kerajaan Pusat di kawasan ini juga menyumbang kepada kemenangan BN. Di sebaliknya, PAS pula terus mencanangkan isu nasional seperti rasuah dan kesaksamaan kaum yang tidak menjadi perhatian pengundi di Bagan Pinang. Kemenangan besar BN di Bagan Pinang menunjukkan kepemimpinan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib yang terkenal dengan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" mula mendapat tempat dihati pengundi seterusnya bakal mempengaruhi pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Rujukan

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Khaidzir Hj. Ismail (2009) Pembangunan dan pilihan parti politik: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Anjuran Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember 2009.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali (2009) Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009. *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas (UNAND), Padang,

- Sumatera Barat, Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 16-17 Disember 2009.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar (2009) Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir, Kelantan 2006: Petanda BN menguasai Kelantan. Dlm. Stanislaus Sandarupa. *Prosiding Seminar Bersama Universitas Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia*. Kemelayaan Indonesia dan Malaysia. Makasar: Universitas Hasanuddin, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Nidzamuddin Sulaiman (2009) Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu (P36) Januari 2009: Satu Pungutan Pendapat Awam Pra-Pilihan Raya. *Seminar UNHAS-UKM (SERUMPUN IV)*. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Hasanuddin, Makasar, Sulawesi, Indonesia. 4-5 Julai 2009.
- Pemerhatian di Lapangan (Daerah mengundi Teluk Kemang, Taman Eastern, Kampung Bagan Pinang, Si Rusa, Ladang Bradwall, Ladang Atherton, Pekan Silau dan Sua Betong), September-Oktober 2009.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1955*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1959*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1964*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1969*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1974*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1978*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1982*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1986*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1990*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1995*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Syed Arabi Idid, Mazni Hj. Buyong (1995) *Malaysia's General Election 1995. People, issues and media use*. Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Asia Foundation, Kuala Lumpur.